

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)**PENGARUH GEOGRAFI DALAM PILIHAN RAYA KECIL (PRK)  
2020 DI KAWASAN DUN CHINI, PEKAN, PAHANG***GEOGRAPHICAL INFLUENCE IN 2020 BY ELECTION IN THE AREA OF CHINI  
STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY, PEKAN, PAHANG*Junaidi Awang Besar<sup>1\*</sup><sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, SelangorEmail: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article Info:****Article history:**

Received date: 15.08.2022

Revised date: 08.09.2022

Accepted date: 12.09.2022

Published date: 15.09.2022

**To cite this document:**Awang Besar, J. (2022). Pengaruh Geografi Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) 2020 Di Kawasan Dun Chini, Pekan, Pahang. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 370-387.**DOI:** 10.35631/IJLGC.729026.This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Pilihan Raya Kecil (PRK) 2020 Chini, Pahang merupakan PRK yang pertama diadakan dalam keadaan rebakan pandemik COVID-19 masih berlaku namun menuju pemulihan. PRK ini diadakan berikutan kematian penyandang ADUN Chini iaitu Dato' Sri Abu Bakar Harun pada 6 Mei 2020 kerana serangan jantung. Kawasan DUN Chini termasuk dalam Parlimen Pekan, Pahang yang merupakan kawasan yang diwakili bekas Perdana Menteri iaitu Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak iaitu antara kubu terkuat BN/UMNO di Malaysia. Kawasan ini berdemografikan majoriti pengundi Melayu yang dilingkungi kawasan luar bandar merangkumi kawasan skim FELDA, perkampungan tradisi Melayu dan perkampungan tradisi dan moden Orang Asli. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pengaruh geografi dalam PRK DUN Chini, Pahang 2020. Berdasarkan analisis data keputusan PRU DUN Chini 2022, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kemenangan BN/UMNO dalam PRK tersebut semamangnya sudah dijangka dengan peratusan keluar mengundi tidak jauh berbeza antara PRU 2018 dengan PRK 2020. pengaruh geografi memberi sumbangan kepada kemenangan BN dari segi persepsi dan partisipasi politik pengundi luar bandar. Justeru, pilihan raya ini menunjukkan pola sokongan pengundi luar bandar masih sama yang berpaksikan kepada faktor politik pembangunan dan kepimpinan yang dikenali dan berpengalaman.

**Kata Kunci:**

Pilihan Raya Kecil, Pengaruh Geografi, Kawasan, Pengundi, Kubu Kuat

**Abstract:**

The 2020 by election of Chini, Pahang is the first by election held in a situation where the COVID-19 pandemic is still going on but heading for recovery. This by election was held following the death of the incumbent Chini state assemblyman, Dato' Sri Abu Bakar Harun on May 6, 2020 due to a heart attack. The Chini state constituency is included in the Pekan Parliament, Pahang which is an area represented by the former Prime Minister, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, which is one of the strongest BN/UMNO strongholds in Malaysia. This area has a demographic majority of Malay voters surrounded by rural areas including FELDA scheme areas, traditional Malay villages and traditional and modern Orang Asli villages. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the influence of geography in the Chini by election, Pahang 2020. Based on data analysis of Chini by election 2022 results, field observations and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings show that BN/UMNO victory in the by election, it is expected that the turnout is not much different between the 2018 GE and the 2020 by election. Geographical influence contributed to BN's victory in terms of perception and political participation of rural voters. Thus, this election shows that the pattern of support of rural voters is still the same which is centered on the political factors of development and known and experienced leadership.

**Keywords:**

By Elections, Geographical Influence, Constituencies, Voters, Strongholds

**Pengenalan**

Pilihan Raya Kecil (PRK) Chini, Pahang 2020 diadakan berikutan kematian penyandang ADUN Chini iaitu YB Dato' Sri Abu Bakar Harun pada 6 Mei 2020 kerana serangan jantung. Dari segi geografinya, kawasan DUN Chini terletak di lokasi luar bandar yang merangkumi skim penempatan FELDA, perkampungan tradisi kaum Melayu dan perkampungan Orang Asli Jakun. Dari sudut geografi pilihan raya pula, DUN Chini terletak dalam kawasan Parlimen Pekan, Pahang yang berkeluasan 592 km persegi dan didiami 90.4 peratus kaum Melayu, 9 peratus Orang Asli dan selebihnya adalah kaum lain dengan 21,251 orang pemilih berdaftar. Kawasan DUN Chini boleh dikatakan kawasan kubu kuat BN/UMNO meskipun parti tersebut pernah tewas di kawasan yang sama padas PRU 1999 kepada Parti KeAdilan Nasional (PKN) dengan majoriti sangat tipis iaitu hanya 5 undi sahaja. Namun BN/UMNO berjaya menawan DUN tersebut pada PRU 2004 dengan majoriti 4,005 undi, PRU 2008 (majoriti 4,524 undi), PRU 2013 (majoriti 7,675 undi) dan PRU 2018 (majoriti 4,622 undi) melalui YB Dato' Sri Abu Bakar Harun selama 4 penggal berturut-turut. Dengan berkedudukan lokasi geografi di kawasan luar bandar yang mempunyai pengundi bersentimenkan politik pembangunan yang tebal, bersemangat perkauman keMelayuan yang tinggi dan mempunyai hubungan patron-client iaitu penaung-dinaung yang kukuh menjadikan kawasan ini layak dikelaskan sebagai antara kubu kuat BN/UMNO di Pahang dan juga di Malaysia. Aspek geografi yang dimaksudkan dalam penulisan artikel ini adalah lokasi, ketersampaian, jarak, kawasan, keluasan/saiz kawasan, kejiranan dan geopolitik etnik. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pengaruh geografi dalam PRK DUN Chini, Pahang 2020.

**Sorotan Literatur: Politik Pilihan Raya Di Pahang**

Menurut Nor Rofizah (1985), pemilihan Ahli Jawatankuasa (AJK) atau Ketua Cawangan UMNO di kawasan Karak, Pahang dipengaruhi oleh hubungan kekeluargaan. Hal ini kerana, pemilihan

Ahli Jawatankuasa atau organisasi yang terlibat dalam politik dipengaruhi oleh kepimpinan yang kuat sehingga mewujudkan istilah Kampung Tradisi. Contohnya, beberapa buah kampung yang mempunyai pengaruh UMNO yang kuat ialah Kampung Karak Setia, Kampung Teruh, Kampung Jambu Rias dan Kampung Lengkong.

Omar (2004), dalam kajian 'Orang Asli Dalam Politik Dan Pembangunan di Pahang.' Memulakan analisis dengan melihat struktur politik masyarakat Orang Asli, penglibatan mereka dalam bidang politik serta pandangan dan pengetahuan masyarakat berkenaan tentang politik di Pahang. Analisis mengenai penglibatan serta pandangan dan pengetahuan masyarakat Orang Asli di Pahang berkaitan dengan pembangunan juga diberi tumpuan. Selain dari aspek tersebut, kajian juga dilakukan dengan meneliti peranan kerajaan dalam membantu membangunkan masyarakat Orang Asli di Pahang.

Lu (2012) dalam bab dalam buku yang bertajuk "By-Election 16: N28 Kerdu, Pahang (February 26-March 6, 2011)" untuk buku "Democracy at Stake? Examining 16 By-Elections in Malaysia. 2008-2011" menjelaskan bahawa kemenangan BN/UMNO dalam PRK DUN Kerdu sememangnya sudah dijangka kerana kawasan tersebut berada di luar bandar serta mempunyai skim FELDA yang majoriti pengundinya adalah Melayu yang bermentalitikan politik pembangunan yang menjadi *fix deposit* kepada BN/UMNO dalam pilihan raya era tersebut.

Junaidi et al. (2015) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Rompin menyatakan bahawa bagi keadaan di Parlimen Rompin, pengundinya lebih mendahagakan perkembangan pembangunan kerana kebanyakan pengundi di Parlimen Rompin merupakan penduduk FELDA iaitu FELDA Keratong 1-5. Parlimen Rompin merupakan kubu kuat bagi BN/UMNO. Parti ini mencatatkan kemenangan pada PRU-13 yang lalu. Menurut Zulkifli (2015), dalam kajian terhadap mahasiswa di Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah, Pahang mendapati penglibatan golongan wanita dalam pilihan raya semakin meningkat kerana golongan wanita pada zaman sekarang dipengaruhi oleh faktor tahap pendidikan yang semakin tinggi. Hal ini dapat dilihat dengan peningkatan sebanyak 30 peratus golongan wanita yang terlibat dalam Dewan Rakyat atau Kabinet Malaysia. Seterusnya, menurut Shamsuddin (2016), perkembangan politik Melayu Pahang telah berlaku dari tahun 1955 hingga 1984. Perubahan yang berlaku adalah fasa perubahan kepada kemajuan politik terutamanya kaum Melayu dari sebelum dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Menurut Azman, Mohd. Fuad & Junaidi (2016) dalam kajian tingkah laku politik pengundi FELDA di kawasan Parlimen Kuala Krau, Pahang menjelaskan bahawa peningkatan berlaku pada faktor calon yang akan mempengaruhi undian mereka pada pilihan raya akan datang. Perkara ini jelas menunjukkan faktor calon yang mempunyai ciri kepimpinan yang baik seperti berwibawa serta lengkap dengan pakej yang dikehendaki pemilih akan menjadi pilihan mereka untuk diundi. Bagi faktor parti, keberkesanan sesebuah parti dalam membentangkan manifesto serta hala tuju parti tersebut tetap menjadi perhatian pengundi untuk mengundi atas dasar faktor parti.

Kajian trend pengundian Pilihan raya Kecil (PRK) DUN Kerdu (Pahang) oleh Junaidi dan Mohd Fuad (2016) menunjukkan bahawa sokongan terhadap UMNO adalah bergantung kepada pengundian yang dibuat oleh kaum Melayu. Ini kerana pengaruh kuat UMNO dan Melayu dalam politik negara dalam pada itu kebanyakan pengundi Melayu yang menetap di luar bandar hanya bergantung kepada media arus perdana sebagai sumber informasi tidak dibantu dengan keadaan kemiskinan yang membelenggu dan masih serba kekurangan dalam segala bentuk. Nor Shafika

(2018) dalam kajian senario politik pilihan raya dalam PRU-14 di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang mendapati bahawa persepsi dan partisipasi responden di kawasan adalah berbeza-beza berdasarkan kepelbagaian latar belakang demografi dan sosioekonomi mereka. 50.0 peratus di kawasan kajian dikenal pasti bergiat aktif berpartisipasi dalam politik dengan mendengar ceramah politik yang dianjurkan semasa kempen pilihan raya. Pandangan mereka dalam politik tempatan ini juga dipengaruhi oleh sumber maklumat politik yang disampaikan dan 32.0 peratus responden menyatakan penggunaan media alternatif merupakan satu medium baru untuk mendapatkan sumber maklumat berkaitan politik kerana media ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja dan 37.0 peratus responden menyatakan bahawa mereka paling dipercayai sumber maklumat politik daripada media elektronik.

Nurul Izzatie (2019) dalam kajian politik pilihan raya di DUN Pelangai, Bentong, Pahang mendapati bahawa pengundi di kawasan ini lebih dominan dalam menyokong parti politik yang sudah lama memegang pemerintahan iaitu Barisan Nasional (BN). Pertukaran Kerajaan Persekutuan yang jatuh kepada Pakatan Harapan (PH) sedikit sebanyak mempengaruhi pengundian di DUN Pelangai namun BN masih dapat mengekalkan kedudukan. Kerajaan Negeri masih dipegang oleh BN kerana kepercayaan pengundi terhadap parti yang boleh membawa kemajuan kepada negeri. Tambahan pula, menurut Md. Nadzri (2019), meskipun strategi pertembungan tiga penjuror telah mengekalkan status quo di Pahang, tetapi corak pengundian yang menolak BN di negeri itu adalah hampir sama di negerinegeri lain di Semenanjung. Hal ini memperjelaskan mengapa kerusi BN di Pahang khasnya kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Pahang semakin berkurangan dengan ketara di dalam PRU 14, dan pihak pencabar hanya kekurangan beberapa kerusi sahaja untuk menafikan majoriti BN.

Menurut Suresh Kumar (2019), pengundi dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) di Cameron Highlands, Pahang memilih untuk mengundi Barisan Nasional berbanding parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan. Faktor parti Barisan Nasional menjadi pilihan pengundi adalah disebabkan oleh faktor kesetiaan pengundi kepada Barisan Nasional dan kerjasama antara PAS-UMNO menyebabkan kesesuaian calon yang bertanding. Oleh sebab itu, pengundi lebih menerima faktor tarikan Barisan Nasional.

Haslinda (2020) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Election During COVID-19 Pandemic: Constitutional Perspectives" menyatakan bahawa SOP yang dinyatakan oleh SPR dalam PRK DUN Chini, Pahang meskipun dilihat agak ketat namun perkara tersebut adalah perlu bagi memastikan PRK tersebut dapat berjalan dengan baik dan mengutamakan kesihatan pengundi dalam jangka masa panjang. Meskipun begitu, perkara tersebut masih mengutamakan hak sebagai pemilih sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Khalida Najwa (2021) dalam kajian yang bertajuk "Keperluan pengundi untuk mengundi di kawasan tempat bekerja: Kajian kes di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tras, Raub, Pahang" menjelaskan bahawa responden lebih dipercayai sumber maklumat daripada media online/sosial iaitu dengan jumlah sebanyak 46 peratus responden. Responden juga memilih kriteria parti politik yang paling utama adalah parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan iaitu ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah. Responden berpendapat bahawa mengundi di tempat bekerja akan menjimatkan masa dan kos. Khalida Najwa & Junaidi (2021a) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Tingkah Laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang" mendapati bahawa mengundi di tempat bekerja akan menjimatkan masa dan kos. Khalida Najwa & Junaidi (2021b) dalam kertas kerja yang bertajuk "Tingkah laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang" menjelaskan bahawa

responden lebih mempercayai sumber maklumat daripada media online/sosial iaitu dengan jumlah sebanyak 46 peratus responden.

Muhamad Nadzri (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Realiti Politik Pilihan Raya di Pahang dalam PRU-14” untuk buku ‘Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa pertandingan tiga penjurong di Pahang telah memecahkan undi etnik Melayu secara majoritinya kepada BN dan PAS dan sebahagian kecilnya menyokong PH. Pengundi Melayu di Pahang lebih cenderung menyokong BN/UMNO kerana identifikasi politiknya yang tinggi di samping parti tersebut telah lama serta berpengalaman memerintah negeri ini dan lebih dikenali berbanding PAS sementara lagi PH yang masih baharu dalam persada politik Pahang.

Muhammad Ariff Asyrul (2022) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil Chini: Dominasi Muafakat Nasional dan Pengukuhan Legitimasi Barisan Nasional di Pahang” untuk buku “Persaingan Politik dan Pilihan Raya: Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018” menyatakan bahawa PRK DUN Chini memperlihatkan kerjasama dalam Muafakat Nasional dan Perikatan Nasional serta faktor calon menjadi pemangkin kepada kemenangan besar BN/UMNO dalam PRK tersebut.

### **Metodologi Kajian**


Bagi penulisan artikel ini, kedua-dua metod atau kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk memantapkan dapatan kajian seterusnya mengukuhkan perbincangan kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperolehi daripada kaedah ini kebiasaannya tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang amat mendalam. Teknik penyelidikan yang digunakan dalam kaedah ini ialah pemerhatian di lapangan. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data berangka. Kaedah ini turut digunakan bagi membuktikan atau menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Selain itu, kaedah ini juga berupaya untuk menghasilkan keputusan yang tepat, sah, boleh dipercayai dan objektif dalam skop data kajian. Data kuantitatif dan maklumat kualitatif bagi penulisan artikel ini diperolehi dengan menggunakan metod rujukan sumber primer iaitu keputusan PRK DUN Chini dan juga pemerhatian di lapangan manakala data sekunder pula diperolehi melalui rujukan sekunder terhadap bahan bercetak yang berkenaan daripada laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding, buku rujukan ilmiah dan jurnal. Data keputusan PRK DUN Chini dan bahan daripada sumber sekunder digarap bersekali mengikut lunas akademik seterusnya menghasilkan penulisan analisis PRK tersebut yang berkesan.

### **Kawasan Kajian**

Kawasan DUN Chini terletak dalam Parlimen Pekan, Pahang. Kawasan Parlimen Pekan berkeluasan 3,846.14 kilometer persegi (385.135 hektar) dan merangkumi empat kawasan DUN (Lihat Rajah 1). Daerah Pekan mempunyai 11 mukim iaitu Pekan, Bebar, Temai, Lepar, Kuala Pahang, Langgar, Ganchong, Pahang Tua, Pulau Manis, Pulau Rusa dan Penor. Bandar Pekan juga terletak kira-kira 6,437km daripada Laut China Selatan dan kedudukannya pula adalah di tebing Sungai Pahang yang merupakan sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia iaitu sejauh 477.97km (Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan 2017). Keadaan alam dan muka bumi di kawasan ini dan sekitarnya adalah tanah dataran yang terbentang rata di sepanjang Sungai Pahang dan kebanyakan tanah di Pekan adalah daripada jenis gambut.



Menurut data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), daerah Pekan ini mempunyai jumlah penduduk seramai 129,400 orang. Jumlah penduduk lelaki merangkumi 52.8% manakala penduduk perempuan pula adalah 47.2%. Daerah ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti kemudahan keselamatan awam iaitu terdapat 1 Ibu Pejabat Polis Daerah, 4 Balai Polis dan 5 Pondok Polis. Dari segi kemudahan pendidikan pula, kira-kira terdapat 63 buah sekolah kerajaan iaitu 47 merupakan sekolah rendah dan 16 sekolah menengah yang merangkumi 20,932 orang pelajar dan 2,223 orang guru. Daerah ini juga mempunyai sebuah hospital kerajaan yang mampu menampung 110 pesakit dalam satu masa, 6 klinik kesihatan, 27 klinik desa dan sebuah klinik komuniti.




**Rajah 1: Peta Kawasan Parlimen Pekan, Pahang**

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta (PW) Parlimen Pekan, Pahang, SPR 2018

Berdasarkan data statistik Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia 2018 juga, terdapat sejumlah 89,406 ribu pemilih yang berdaftar di Parlimen Pekan. Jumlah ini pula dibahagi mengikut jantina dimana jumlah lelaki adalah seramai 45,053 (50.39%) manakala jumlah pemilih perempuan adalah seramai 44,353 (49.61%). Parlimen Pekan diterajui oleh YB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak daripada BN/UMNO yang memenangi kerusi Parlimen tersebut pada PRU-14 yang

lalu dengan majoriti 24,859 undi. Kawasan kajian secara mikro adalah DUN Chini, Pahang. Chini merupakan satu kawasan atau daerah yang terdapat di negeri Pahang Darul Makmur. Daerah Chini majoriti penduduk disitu merupakan penduduk Melayu dan 10% darinya adalah bangsa lain. Chini merupakan kawasan yang mempunyai bilangan penduduk seramai 50,000 orang penduduk di kawasan tersebut.

DUN Chini mempunyai 13 kawasan Daerah Mengundi, berkeluasan 592 km persegi dan didiami 90.4 peratus kaum Melayu, 9 peratus Orang Asli dan selebihnya adalah kaum lain dengan 21,251 orang pemilih berdaftar (Lihat Rajah 2). DUN Chini diterajui oleh YB Encik Mohd Sharim Md Zain yang menang pada Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan tersebut pada tahun 2020 dengan majoriti 12,650 undi. Sebelum itu pada PRU 2018, DUN Chini dimenangi calon BN iaitu Datuk Abu Bakar Harun dengan majoriti 4,22 undi. PRK diadakan di DUN Chini pada 4 Julai 2020 kerana penyandang iaitu Datuk Abu Bakar Harun meninggal dunia akibat sakit jantung pada 6 Mei 2020.



**Rajah 2: Peta kawasan DUN Chini, Pekan, Pahang**

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta (PW) Parlimen Pekan, Pahang, SPR 2018

Pada pilihan raya 2018, BN telah memenangi DUN Chini, Pahang untuk penggal empat menerusi penyandanginya, Dato' Sri Abu Bakar Harun. Beliau telah berkhidmat sebagai wakil rakyat sejak tahun 2004 di kawasan tersebut. DUN Chini merupakan salah satu kawasan yang berada di bawah empat DUN Parlimen Pekan. Sebanyak 13 pusat mengundi dibuka termasuklah Sekolah Kebangsaan (SK) Mambang, SMK Paloh Hinai, SK Kincir, Dewan Mempelas Kampung Baru PSSK Salong, SK LKTP Chini Timur 1, SMK Chini Timur, Balai Raya Kampung Dusun, SK LKTP Chini Timur 2, SK LKTP Chini 3 dan 5, SK LKTP 1 dan 4, Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Felda Chini 3, Sekolah Agama Rakyat (KAFA) Nur Ilham Felda Chini 1 dan SMK Chini 2. Tempat undian yang dibuka adalah untuk mengelakkan kesesakan berlaku dan mengurangkan pengundi berkumpul dalam jumlah yang ramai bagi mematuhi aspek penjarakan sosial.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### *Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu Pandemik COVID-19 dalam PRK DUN Chini 2020*

Susulan penularan pandemik penyakit koronavirus (COVID-19) di Malaysia, SPR mendapatkan pandangan dan nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menyusun tatacara Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Chini daripada agensi berkepentingan susulan penularan pandemik COVID-19. SPR telah mengadakan mesyuarat dengan agensi berkenaan pada hari Jumaat, 8 Mei 2020 untuk membincangkan beberapa perkara sekiranya tarikh PRK ini masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). SPR meneruskan penambahbaikan pada pilihan raya kecil ini dengan beberapa inisiatif sebagai langkah kawalan penyebaran COVID-19 iaitu:

- i. menyediakan saluran khas bagi pengundi berusia 60 tahun ke atas di setiap Pusat Mengundi;
- ii. memanjangkan tempoh mengundi selama 30 minit iaitu dari jam 8 pagi hingga 5:30 petang;
- iii. menambah 20 saluran baharu bagi mengelakkan jumlah pengundi terlalu ramai di satu-satu saluran;
- iv. mengehadkan jumlah maksimum pemilih kepada 400 orang saja bagi setiap saluran;
- v. menambah maklumat baharu pada kad pengundi (VC) yang dihantar kepada pengundi iaitu 'Masa Keluar Mengundi Yang Digalakkan';
- vi. Meneruskan penyiaran secara langsung proses pilihan raya menerusi Facebook Live di laman Facebook SPR.

### *Kempen*

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menubuhkan tiga Pasukan Penguat kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) untuk memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen dalam PRK DUN Chini, Pahang. Pasukan PP-KPR ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding. Bagi peraturan berkempen, SPR berpandukan Garis Panduan (SOP) dan peraturan yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD). Disebabkan penguatkuasaan PKP dan pertembungan yang kurang mencabar antara parti politik, strategi dan kerancangan kempen di DUN Chini ini sedikit berbeza berbanding dengan kempen pada siri-siri PRK sebelumnya.

Aktiviti ceramah adalah dikurangkan bagi mengelakkan orang ramai berkumpul seperti kebiasaan dijalankan. Kempen PRK yang dijalankan ketika pandemik ini lebih menumpukan kepada bersua muka dengan pengundi sama ada rumah ke rumah atau di tempat awam. Calon BN dan jentera kempen mereka serta calon bebas Tengku Zainul Hisham banyak menggunakan strategi ini.

Selain merayu undi secara bersua muka dengan masyarakat pengundi di Chini, aktiviti lain dalam berkempen yang banyak dilakukan adalah secara pertemuan dan sembang santai dalam kelompok kecil. Strategi ini juga dimonopoli oleh calon BN dan jenteranya melalui pelbagai sayap mereka seperti pemuda dan wanita dalam kedua-dua parti UMNO dan PAS.

Perkembangan teknologi juga telah memberi sumbangan yang besar kepada pilihan raya pada musim pandemik ini serta ianya menunjukkan peratusan pengundi luar yang tinggi. Kempen secara maya atas talian juga dimanfaatkan sepenuhnya oleh para calon yang bertanding. Para



calon yang bertanding juga menggunakan medium sosial media sebagai platform kepada calon sama ada menggunakan penyampaian sehalu atau interaksi dua hala. Strategi platform atas talian ini mendapat sambutan dan menunjukkan keberkesanan dalam penyampaian apabila mendapat maklum balas daripada pengundi muda dan pengundi luar kawasan yang mengesahkan bahawa mereka memperoleh input kempen daripada media maya ini.

Pada kempen PRK Chini ini, UMNO kelihatan bersungguh-sungguh dan serius dalam berkempen seolah-olah berdepan dengan persaingan yang sengit dengan parti lawan lain. Pada hari sebelum penamaan calon, pemimpin ini telah bersedia dan bersemangat apabila mereka telah berkumpul di Pekan, mengadakan mesyuarat dan pelbagai perbincangan dikemukakan. Persediaan yang dilakukan adalah amat rancak, bahkan juga mengatur koreografi lenggok tari politik nasional.

Penyertaan daripada para pemimpin dan jentera UMNO di seluruh negara juga amat meriah sekali. Komitmen ini adalah untuk membantu Chini yang akan memberi kebaikan kepada semua pihak. Selain tujuan utama untuk memberi kemenangan kepada calon BN, peluang ini digunakan untuk menunjukkan diri mereka untuk dilihat dan dinilai oleh pemimpin tertinggi. UMNO juga mendesak Perikatan Nasional (PN) untuk mengadakan PRU dalam masa terdekat di samping PRK yang berlangsung, masa ini digunakan untuk menzahir dan melobi sebagai calon pilihan raya dan bertanding untuk jawatan dalam pemilihan parti yang akan datang.

Kempen yang dijalankan oleh BN adalah digerakkan oleh UMNO dan PAS. Taktik yang digunakan oleh UMNO dan PAS adalah perkataan dan agenda Muafakat Nasional yang dijadikan modal untuk berkempen. Hal ini juga bertujuan untuk memperkasakan ketuanan Melayu dan agama Islam. Kempen BN juga diturut serta oleh Bersatu. Akan tetapi, jentera kempen daripada UMNO dan PAS tidak gemar untuk menggunakan jenama Perikatan, sebaliknya lebih selesa menggunakan jenama dan aura muafakat dalam berkempen. Kempen di Chini ini menunjukkan hubungan yang mesra antara UMNO dan PAS, tetapi tidak pada UMNO-PAS dengan Bersatu. PAS juga menunjukkan sokongan apabila sanggup menolong BN berkempen, seolah-olah PAS bertanding sendiri. Jentera PAS yang sanggup membantu adalah bukan sahaja dari DUN Chini, tetapi dari kawasan Pekan dan kawasan parlimen lain di Pahang. Mereka juga menetapkan sasaran untuk memperoleh 5,000 undi daripada penyokong PAS untuk diberi kepada BN.

Banyak pihak yang mempertikaikan mengapa PAS rela membantu BN sedangkan UMNO dan PAS tidak mempunyai persefahaman yang baik. Jentera PAS mengatakan bahawa terdapat dua tema iaitu 'Mereka mengikut jemaah, jemaah yang membuat keputusan'. PAS memaksudkan bahawa dalam kalangan pengundi, mereka mengikut arahan pemimpin. Mengambil contoh Cameron Highland dan Semenyih yang dibantu oleh PAS yang menjadi faktor kemenangan kepada BN, dan teknik ini diaplikasikan semula di Chini bahawa penyokong PAS akan menyumbangkan kemenangan besar kepada BN dengan majoriti besar. Namun, berlaku juga kelompok yang tidak berpuas hati dengan pemilihan Mohd Sharim sebagai calon dan bercadang untuk membuat undi protes. Ada juga kelompok yang datangnya dari penyokong PAS yang membantah kerjasama dengan UMNO.

Pasukan kempen daripada calon bebas iaitu Tengku Zainul pula telah mengatur strategi untuk mengumpul undi protes ini. Siri-siri rundingan daripada kelompok yang membuat protes ini berjalan dan membuat perjanjian secara lisan untuk menyokong. Dalam PRK Chini ini, undi protes yang dilakukan oleh penyokong UMNO dan PAS tidak memberikan sumbangan apa-apa

dan keputusan PRK ini tidak akan terjejas. Hal ini menunjukkan bahawa peluang untuk calon bebas memenangi PRK ini adalah tipis sekalipun dengan undi protes yang dibuat.

### ***Isu Yang Dicanangkan***

Semasa dalam tempoh berkempen, terdapat beberapa isu yang secara konsistensinya dibangkitkan oleh pengundi. Antara isu utama yang paling ketara ialah isu air yang berlanjutan sekian lama. Isu ini telah diberi perhatian dan kelulusan peruntukan oleh kerajaan untuk diatasi. Kejayaan atau kegagalan dalam mengatasi masalah ini adalah bergantung sepenuhnya terhadap mekanisme penyampaian dalam menjayakan projek tersebut.

Seterusnya, antara isu yang menjadi perhatian adalah kemudahan asas yang terbatas di Chini, termasuk kemudahan lampu jalan. Penduduk di kawasan DUN Chini juga telah banyak mengeluarkan kenyataan mengenai isu lampu jalan ini, termasuk dakwaan setiap keluarga bersetuju membuat potongan untuk membayar perkhidmatan tersebut. Masalah ini juga mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga telah memberi komitmen untuk membantu dalam masalah lampu jalan ini. Penduduk selaku pengundi juga berharap penyelesaian kepada masalah ini dapat diselesaikan oleh pihak yang bertanggungjawab dan bersifat berterusan, bukan sahaja janji manis parti yang bertanding yang hanya bersifat sementara.

Isu ketiga seterusnya adalah isu yang kerap ditimbulkan oleh kebajikan generasi kedua Felda iaitu isu penempatan generasi kedua dan peluang ekonomi. Semasa hari pengundian dijalankan, sebanyak 40 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi Chini adalah daripada pengundi luar. Hal ini menjadi isu kerana ramai anak muda telah berhijrah ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan. Hal ini disebabkan oleh peluang pekerjaan dan ekonomi yang masih rendah di kawasan Chini. Oleh itu, banyak peluang ekonomi perlu dibuka dan ditambah di sekitar kawasan Chini supaya pada masa akan datang jumlah peratus pengundi luar adalah berkurangan dan dapat memantapkan ekonomi negeri tersebut.

Isu yang dinyatakan adalah bersifat isu tempatan serta beberapa isu lain yang turut diutarakan seperti pemilikan tanah dalam kalangan orang asal, isu perahan sawit dan sebagainya. Semua isu ini adalah isu kebajikan yang diangkat oleh pengundi semasa PRK diadakan. Mengikut pola pengundian juga isu ini tidak memberikan kesan terhadap sokongan rakyat Chin kepada parti politik BN, malah, BN memperoleh kemenangan dalam persaingan antara parti politik di Chini.

### ***Hari Pengundian***

Semasa hari pengundian, terdapat 13 buah tempat pusat pengundian bagi PRK dan melibatkan 65 saluran mengundi di beberapa buah sekolah, dewan dan balai raya yang dibuka pada jam 8 pagi yang membolehkan 20,618 orang pemilih berdaftar menunaikan tanggungjawab mereka. Proses pengundian ditutup pada jam 5.30 petang di mana semua peti undian dibawa ke pusat penjumlahan undi di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara, Paloh Hinai. Terdapat seramai 156 pengundi pada PRK DUN Chini ini telah menjalankan pengundian secara pos, manakala 17 pengundi adalah dari kalangan anggota polis yang melaksanakan pengundian awal pada 30 Jun 2020.

Pada PRK DUN Chini ini, pihak SPR menyasarkan 70 peratus pemilih keluar mengundi. Pihak SPR juga telah menetapkan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat supaya semasa tempoh berkempen dan hari pengundian PRK dapat dijalankan semasa musim pandemik. Pengundi juga dinasihatkan untuk keluar mengundi mengikut masa mengundi yang ditetapkan dan tidak

melakukan pengundian pada saat-saat akhir walaupun waktu mengundi dibuka pada jam 8 pagi hingga 5.30 petang selain perlu mematuhi SOP yang ditetapkan.

Pengundi yang akan datang mengundi akan disaring terlebih dahulu dengan mengambil suhu badan, manakala, bagi pengundi yang mempunyai gejala, proses pengundian dijalankan di khemah khas di bawah pemantauan petugas kesihatan. Semasa hari pengundian juga, seramai 140 petugas kesihatan ditugaskan semasa PRK DUN Chini di mana enam petugas adalah terdiri daripada empat orang doktor dan dibantu oleh dua orang petugas kesihatan awam di setiap tempat pusat pengundian untuk memantau pematuan SOP oleh para pengundi. Selain itu, terdapat tiga buah ambulans disediakan sepanjang proses pengundian berjalan. PRK DUN Chini menyaksikan perlawanan tiga penjuar antara calon BN, Mohd Sharim Md Zain dan disertai oleh dua calon bebas iaitu Tengku Dato Zainul Hisham Tengku Hussin dan Mohd Shukri Mohd Ramli. Calon BN sebagai pengundi di DUN Chini menjalankan tanggungjawab untuk membuang undi di Dewan Semai Bakti, Felda Chini 3, Pahang.

### ***Keputusan PRK***

Bagi PRK DUN Chini yang juga diadakan pada 4 Julai 2020. PRK ADUN Chini ini juga adalah pilihan raya kecil pertama sejak pertukaran Kerajaan Perikatan Nasional (PN) daripada Pakatan Harapan (PH) pada 1 Mac 2020 selepas krisis politik Malaysia yang berlaku pada akhir Februari 2020 lalu. Menurut SPR, hari penamaan calon diadakan pada 20 Jun 2020 manakala hari pengundian awal pada 30 Jun 2020 dan kemudian, hari pengundian pada 4 Julai 2020. Pada malam keputusan, calon BN, Mohd Sharim Mohd Zain meraih 13,872 undi berjaya mencapai kemenangan beliau di kawasan DUN Chini dengan majoriti sebanyak 12,650 undi menewaskan dua calon Bebas iaitu Tengku Datuk Zainul Hisham Tengku Hussin dan Mohd Shukri Mohd Ramli, masing-masing memperoleh 1,222 dan 137 undi. Peratusan jumlah pengundi yang keluar mengundi adalah 73.87 peratus, bilangan kertas undi yang ditolak adalah 239. Pegawai Pengurus PRK DUN Chini, Datuk Zaliza Zulkipli mengumumkan keputusan tersebut di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Pekan, Pahang. PRK ini diadakan berikutan kematian penyandangannya, Datuk Seri Abu Bakar Harun, 60 tahun, (UMNO), akibat serangan jantung pada 6 Mei 2020 lalu. Pada PRU14, Allahyarham Abu Bakar menang dengan majoriti 4,622 undi selepas memperoleh 10,027 undi menewaskan calon Pas, Mohd Fadhil Noor yang mendapat 5,405 undi manakala calon PKR, Mohamad Razali Ithnain hilang wang deposit apabila hanya memperoleh 1,065 undi. Pada 6 Jun 2020, Pakatan Harapan (PH) memutuskan bahawa PKR tidak meletakkan calon bagi kawasan DUN Chini kerana kebimbangan terhadap aspek keselamatan pengundi berikutan penularan wabak COVID-19. DUN Chini, adalah satu daripada empat DUN di bawah Parlimen Pekan, menyaksikan PRK pertama selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada 18 Mac lalu dan PRK ke-11 selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

### ***Faktor Sokongan dan Pola Pengundian***

Bagi PRK DUN Chini, faktor kemenangan BN dalam PRK tersebut ialah formula calon muda yang diketengahkan membuah hasil dengan majoriti besar yang diperoleh oleh BN. Selain faktor calon muda, Mohd Sharim sudah dikenali oleh segelintir besar penduduk DUN Chini kerana aktif dalam pelbagai persatuan belia selain kerap membantu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebelum itu, Allahyarham Abu Bakar Harun. BN mengetengahkan calon muda untuk menjadi pelapis kepada perjuangan parti. Selain itu, faktor pengundi muda yang berusia antara 21 hingga 39 tahun lebih 55 peratus di DUN Chini menjadikan beliau calon yang tepat.

Selain itu, kerjasama jentera BN yang turut disokong oleh PAS berdasarkan semangat Muafakat Nasional dan juga Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) atas kerjasama Perikatan Nasional sebagai faktor utama kemenangan Mohd Sharim. Sokongan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin terhadap calon Barisan Nasional (BN) juga adalah antara faktor kemenangan besar parti itu di Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Chini. Majoriti undi BN yang meningkat lebih sekali ganda adalah faktor dibantu kejayaan daripada sokongan pengundi PAS, selain faktor ramai pengundi luar yang pulang. Ia didorong oleh keberkesanan jentera BN-PAS yang bersatu dan bekerja secara sistematik dan berpasukan di bawah gabungan Muafakat Nasional (MN). Malah beberapa pemimpin MCA dan MIC yang turun pada kempen membuktikan komponen BN itu sedia menerima PAS dalam MN.

Kemenangan tersebut bukanlah suatu petanda bahawa BN semakin kuat, tetapi strategi dan pendekatan yang digunakan bersama PAS untuk meraih sokongan pengundi terutama cabaran berkempen dalam kebiasaan baharu ini, dilihat semakin berkesan. Keberkesanan jentera kempen itu turut memberi isyarat kepada rakyat tentang keupayaan kerajaan PN, sebagai gabungan parti politik yang mampu bekerjasama menjayakan agenda kebajikan rakyat dan kemajuan negara. Apapun faktor feeling good kalangan rakyat akan berlaku selagi rangsangan ekonomi dan moratorium bank masih dirasai. Pakatan Harapan tidak bertanding pada PRK Chini dengan memberikan alasan kerisauan mendalam terhadap terhadap aspek keselamatan pengundi berikutan penularan wabak COVID-19. Sudah tentu, PRK pertama ketika wabak pandemik ini merupakan satu ujian pertama dari pelaksanaan aspek tatacara aspek keselamatan dan kesihatan. Pandemik ini belum lagi pulih sepenuhnya dan boleh mengancam keselamatan rakyat. Dari satu segi, ia juga dilihat bahawa peluang kemenangan di PRK Chini dilihat tidak memihak kepada PH kerana prestasi pada pilihan raya umum lalu tewas teruk dengan majoriti besar. Tambahan pula aspek penjarakan sosial dan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa dijangka menyukarkan kempen dan waktu pengundian kelak.

Pilihan Raya Kecil (PRK) N23 Chini ini adalah PRK yang ke-11 yang diadakan selepas PRU-14. PRK ini dijalankan kerana ADUN daripada BN telah meninggal dunia akibat serangan jantung. PRK ini adalah PRK yang pertama dijalankan selepas Perikatan Nasional (PN) mengambil alih kerajaan persekutuan selepas kerajaan Pakatan Harapan (PH). Dalam 10 pertembungan dalam PRK yang lalu, BN dan PH mendapat kedudukan yang seri, iaitu PH mendahului lima pertembungan terawal, manakala BN mendominasi lima pesaing terakhir. Walaupun berkongsi mata yang sama, pada persaingan yang lepas, gelanggang Chini dikatakan terhenti di tengah jalan apabila PH memilih untuk mengundur diri lebih awal. Jika dahulu, PH adalah parti yang paling bersemangat untuk memenangi pertempuran, tetapi kali ini, pihak PH hanya mendiamkan diri selepas penarikan diri dalam PRK tersebut.

Pihak PH juga menyatakan bahawa pihaknya tidak menyertai pertempuran di gelanggang Chini kerana kekangan pandemik Covid-19 yang sedang menular. Akan tetapi, semua pihak mengetahui bahawa alasan yang diberikan bukanlah alasan yang jujur. Alasan yang sepatutnya adalah ketidakmampuan parti PH bertanding untuk menyaingi gabungan UMNO-PAS dalam PRK kali ini berikutan kehilangan wang deposit dalam pertembungan tiga penjurua sebelum ini. Kawasan Chini berada dalam lingkaran kaum Melayu tradisional, iaitu dari psikografinya ini menyumbang kelebihan kepada dua parti Melayu-Islam iaitu UMNO dan PAS. Secara puratanya, menunjukkan UMNO mendominasi sokongan politik di Chini dan PAS pula mempunyai separuh daripada kekuatan yang didominasi oleh UMNO. Apabila dua parti ini bergabung membentuk Muafakat Nasional (MN), kempen PRK ini mendapat sokongan yang padu daripada status quo.

Semasa PRK di DUN Chini, terdapat hampir 21 ribu pemilih, di mana 90 peratus daripadanya adalah pengundi dari kalangan orang Melayu dan majoritinya adalah peneroka tanah rancangan FELDA manakala, bakinya pula didiami oleh kampung tradisi. Di pesisir Tasik Chini ini, terdapat 10 peratus adalah pengundi dari kalangan suku Orang Asal. Selebihnya adalah pengundi yang datangnya dari etnik yang jumlahnya kurang daripada 1 peratus. Hal ini dapat menjelaskan mengapa BN memperoleh kemenangan.

Penarikan diri oleh PH menyebabkan persaingan diteruskan antara BN bersama dua calon bebas. Persaingan ini menjadi tumpuan orang ramai apabila pertembungan antara tiga penjurur ini melibatkan berat sebelah antara pesaing iaitu 'lightweight' dan 'heavyweight' dalam persaingan tersebut. Hal ini juga boleh dikatakan antara faktor BN memperoleh kemenangan dalam persaingan ini dengan mudah kerana pertembungan yang tidak sengit dan keputusannya sudah dijangka oleh orang ramai. Penyertaan calon bebas ini juga berjaya mengelakkan BN menang tanpa bertanding sekali gus memastikan kempen berjalan seperti biasa yang memberi keuntungan kepada penduduk di kawasan DUN Chini.

Kehadiran calon bebas yang cukup dirasai berbanding dengan calon bebas dalam siri PRK sebelum ini ialah Dato' Tengku Zainul Hisham yang dikenali sebagai kerabat diraja, tokoh korporat, Timbalan Ketua Bahagian BERSATU (sebelum dipecat) serta orang tempatan Pekan. Penyertaan beliau dalam PRK ini adalah dengan membawa misi yang jelas iaitu meneruskan perjuangan yang dirintis oleh BERSATU pada awal penubuhan yang bermatlamat menentang UMNO dan BN.

Tengku Zainul memiliki rekod pencapaian yang lebih baik berbanding dengan calon BN. Namun, ia bukan faktor penentu yang mendorong calon ini menang melawan saingannya, calon BN. Bagi pengundi dari kaum Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar, mereka lebih cenderung untuk memilih undian mengikut faktor parti dan bukannya faktor calon atau isu semasa. Dalam persaingan ini, peluang untuk Tengku Zainul untuk bersaing dengan calon BN adalah tipis.

Calon bebas lain yang turut serta dalam pertembungan tiga penjurur ini adalah seorang juruhebah bebas dan blogger yang sinonim dengan panggilan Cucu Mat Kilau (CMK) iaitu Mohd Shukri Mohd Ramli. Ini adalah bukan kali pertama beliau bertanding sebagai calon pilihan raya di pelbagai kawasan dan kurang mendapat sambutan daripada pengundi setempat. Walaupun mempunyai risiko untuk mendapat undi yang terendah, beliau berani dalam mengangkat banyak isu masyarakat setempat ketika tempoh berkempen berlangsung. Beliau juga menggunakan saluran media massa untuk berkempen.

DUN Chini terletak di kawasan parlimen Pekan yang pernah diwakilkan sendiri oleh Dato' Seri Najib sejak dahulu sebagai ahli parlimen. Dato' Seri Najib juga mempunyai pengalaman yang lama dalam bidang politik sebagai menteri kabinet, TPM dan PM. Sebelum ini juga ADUN Chini ini pernah menjadi EXCO kerajaan bagi negeri Pahang. Chini adalah kawasan yang sentiasa dipimpin oleh pemimpin yang hebat termasuklah daripada BN yang memerintah kerajaan negeri dan Persekutuan sebelum ini.

Sepanjang berlangsungnya kempen PRK DUN Chini ini, PAS banyak memberikan sokongan kepada UMNO yang diwakili oleh BN untuk memastikan kerjasama yang berjalan secara berterusan dan diperkuatkan. Salah satu cara yang digunakan oleh PAS adalah pengalaman



mereka yang telah melalui banyak pilihan raya setelah sekian lama. Pengalaman mereka dalam setiap pilihan raya ini dijadikan sebagai latihan oleh PAS.

Jika dipandang dari sudut status quo, semua kerusi di Parlimen Pekan atau di DUN telah ditandingi oleh UMNO bagi pihak Muafakat Nasional (MN) atau Perikatan Nasional (PN). Majoriti kerusi yang dipegang oleh UMNO ini akan melemahkan PAS dengan pelbagai sebab yang memungkinkan. Ini akan menjadikan UMNO turut rugi kerana akan hilang sokongan yang kuat daripada pihak PAS. Sebagai balasan, UMNO memberikan satu kerusi di Pekan kepada PAS untuk PAS bertanding pada Pilihan Raya Umum (PRU) yang akan datang sebagai tanda menghargai sokongan yang telah diberikan kepada BN pada PRK kali ini.

Corak pengundian bagi pengundi luar yang sangat cenderung adalah berdasarkan undi parti dan bukannya berdasarkan calon menyebabkan BN tetap menjadi pilihan utama bagi pengundi. Terdapat 8,000 pengundi yang berada di luar kawasan iaitu hampir 40 peratus pengundi berada di luar kawasan. 40 peratus ini adalah jumlah yang besar dalam sumbangannya kepada jumlah undian.

Kawasan Chini majoritinya 90 peratus pengundi Melayu dan mereka juga peneroka tanah rancangan FELDA dan perkampungan asli. Suku orang asal yang ada di kawasan Chini ini hanya hampir 10 peratus manakala, etnik lain yang wujud di kawasan Chini tidak mencapai 1 peratus. Chini yang terdiri di kalangan Melayu tradisional menguatkan lagi jumlah pengundi yang akan menyokong parti yang sejak dahulunya bertapak di kawasan mereka. Hal ini memberi peluang kepada BN dan jenteranya iaitu UMNO dan PAS untuk mendominasi sokongan politik di kawasan Chini. Mereka memulakan kempen PRK ini dengan status quo yang padu.

Dari segi pola pengundian, kawasan DUN Chini di bawah parlimen Pekan dan mempunyai kawasan majoriti Melayu sebanyak 70 peratus Melayu, maka agak sukar Pakatan Harapan menembusi kawasan majoriti Melayu. Terdapat 70 kawasan majoriti 70 peratus Melayu dalam parlimen di negara ini. Kekuatan Pakatan Harapan ialah kawasan campuran Melayu, Cina dan India. Apabila PH tidak bertanding maka ini memudahkan BN menang mudah dalam PRK Chini.

### ***Pengaruh Geografi dalam Keputusan PRK DUN Chini***

Terdapat pengaruh geografi dalam sokongan pengundi terhadap keputusan PRK DUN Chini. Aspek pertama adalah lokasi. Lokasi yang dimaksudkan adalah luar bandar. Sepertimana sedia maklum bahawa DUN Chini di kesemua kawasan Daerah Mengundi terletak di kawasan luar bandar. BN sememangnya amat kuat di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan yang masih memerlukan pembangunan infrastruktur serta memerlukan bantuan hidup/kebijakan sosial seperti kewangan, kebendaan, khidmat nasihat, latihan. BN sebagai pemerintah sepanjang 14 penggal berpengalaman dalam menguruskan kebijakan rakyat melalui agensi kerajaan dan aktiviti kepartian mereka sendiri. Hal ini ditambah dengan kekukuhan sentimen politik pembangunan dan fahaman politik keMelayuan yang menebal dalam kalangan pengundi luar bandar. Justeru, hal ini memberi kelebihan kepada BN/UMNO untuk mendapat sokongan pengundi luar bandar dalam pilihan raya termasuk di DUN Chini.

Aspek kedua adalah ketersampaian. Ketersampaian bermaksud mudah atau susah untuk sampai di sesuatu kawasan. Bagi kawasan perkampungan Orang Asli seperti di Daerah Mengundi Terpai, Mambang, Paloh Hinai dan Kampung Dusun dalam kawasan DUN Chini, kesemua kawasan ini memerlukan kemudahan perhubungan yang baik untuk sampai ke kawasan tersebut kerana kawasan ini tidak mempunyai jalan raya bertar yang sempurna. Oleh itu, kenderaan

4WD diperlukan untuk sampai di kawasan tersebut. Dalam hal ini, BN/UMNO yang mempunyai jentera kempen yang kuat dan berpengalaman, dana kewangan yang kukuh, dan kemudahan logistik yang mantap maka mereka dapat menelusuri kawasan ini dengan mudah dan baik. Pengundi di kawasan terpencil pula akan berasa dihargai apabila terdapat mana-mana pihak yang dapat berhubung dan bertemu dengan mereka secepat dan secepat yang mungkin. Justeru, BN/UMNO berkelebihan dalam hal ini seterusnya berjaya mendapat sokongan sebaik dan seramai yang mungkin daripada pengundi.

Aspek ketiga adalah jarak. Jarak bermaksud jauh atau dekat untuk tiba di kawasan berkenaan. Kawasan DUN Chini mempunyai petempatan manusia dengan jarak yang agak berjauhan antara satu sama lain. Hal ini kerana bagi kawasan Daerah Mengundi FELDA Chini 1-5 dan FELDA Chini Timur 1-5 berjarak agak jauh kerana kawasan tersebut dilingkungi tanaman kelapa sawit manakala kawasan perumahan FELDA pula terletak sama ada di tengah atau di hujung skim FELDA tersebut. Hal ini memerlukan kenderaan serba guna serta ahli jentera parti yang ramai dan bersistematik untuk berkempen dari rumah ke rumah untuk mendapat sokongan pengundi di kawasan berkenaan. Dalam hal ini, BN/UMNO mempunyai kelebihan kerana mempunyai jentera kempen yang ramai dengan kemudahan logistik dan pengangkutan yang terbaik untuk berkempen di kesemua rumah yang ada di kawasan tersebut. Hal ini menjadikan pengundi lebih kenal, yakin dan percaya kepada mereka untuk berkhidmat sepanjang 5 tahun tempoh perkhidmatan sebagai parti penguasa sekali gus mendapat sokongan pada dalam PRK tersebut.

Aspek keempat adalah kawasan. Kawasan bermaksud lingkungan ruang di sesuatu kawasan. Kawasan DUN Chini dilingkungi skim petempatan FELDA yang berpusat. Ini memudahkan cawangan parti politik terutamanya BN/UMNO yang menguasai jentera kerajaan untuk memantau dan melakukan gerak kerja parti untuk berkhidmat kepada pengundi. Bagi kawasan berselerak seperti petempatan Orang Asli di Daerah Mengundi Terpai, Mambang, Paloh Hinai dan Kampung Dusun, BN/UMNO yang mempunyai cawangan di kawasan tersebut lebih mudah untuk berhubung dengan pengundi di kawasan tersebut maka kerja-kerja kempen lebih mudah. Hal ini ditambah pula dengan bantuan daripada jentera luar yang berkampung di kawasan tersebut sepanjang 2 minggu kempen bahkan sebaik sahaja meninggalnya bekas ADUN di kawasan berkenaan dalam tempoh masa sebulan sebelum hari pengundian. Justeru, hal ini memberi kelebihan kepada BN/UMNO yang mempunyai cawangan parti yang aktif dan mantap dibantu pula oleh jentera luar sama ada daripada UMNO bahagian lain di Pahang mahupun UMNO atau parti komponen seluruh Malaysia.

Aspek kelima adalah keluasan/saiz kawasan. Keluasan atau saiz kawasan adalah sama ada luas atau kecilnya sesuatu kawasan. Kawasan DUN Chini diliputi kawasan seluas 592 km persegi yang dominannya diliputi kawasan penanaman kelapa sawit di bawah skim FELDA dan juga hutan belantara berbukit bukau. Kawasan yang luas ini memerlukan jaringan perhubungan jalan raya yang baik dan menyeluruh. Untuk menghubungi kesemua 13 kawasan Daerah Mengundi dalam DUN Chini memerlukan kenderaan yang sesuai, lasak serta boleh memuatkan penumpang dan barangan semaksimum yang mungkin. Dalam hal ini, logistik jentera BN/UMNO mempunyai kelebihan kerana mereka mempunyai kemudahan logistik yang terbaik dengan pengalaman berkempen sejak sekian lamanya. Hal ini juga dapat memberi keyakinan kepada pengundi untuk memilih calon atau parti politik yang berkemampuan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik jika terpilih dalam pilihan raya nanti.

Aspek keenam adalah kejiranan. Kejiranan bermaksud kedudukan yang bersebelahan antara satu sama lain. Pengaruh kejiranan turut boleh mempengaruhi sokongan pengundi kepada parti politik

dalam pilihan raya kerana kejiranan tersebut mempunyai ciri demografi dan sosioekonomi yang sama. Dalam konteks DUN Chini, 8 kawasan Daerah Mengundi adalah bersebelahan dan merupakan kawasan skim FELDA manakala 3 kawasan Daerah Mengundi adalah majoriti Orang Asli dan 2 kawasan Daerah Mengundi adalah majoriti etnik Melayu. Ciri kesebelahan dan kesamaan tersebut boleh menjadi faktor sebaran atau gerakan sokongan yang sama di sesuatu kawasan dan ini terbukti bahawa kesemua kawasan kejiranan tersebut dimenangi BN/UMNO dalam PRK tersebut.

Aspek ketujuh adalah geopolitik etnik. Geopolitik etnik bermaksud kuasa sokongan pengundi berasaskan majoriti etnik di sesuatu kawasan. Kesemua 10 kawasan Daerah Mengundi majoriti etnik Melayu dan 3 kawasan Daerah Mengundi majoriti Orang Asli memihak kepada BN/UMNO dalam PRK DUN Chini 2020. Orang Melayu dan Orang Asli terkenal dengan kesetiaan kepada pimpinan etnik mereka di samping mempunyai sentimen politik pembangunan yang kuat. Mereka terutamanya dari golongan sederhana dan miskin juga akan menyokong pihak yang berpengalaman, dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, bijaksana dan dapat memberi keuntungan kepada mereka dalam sesuatu pilihan raya. Mereka juga mementingkan kestabilan dan keamanan di kawasan mereka di samping dapat membawa pembangunan di kawasan mereka. Inilah yang dimiliki oleh BN/UMNO dalam perjuangan mereka menyertai 14 kali pilihan raya dan ini dijadikan sandaran oleh Orang Melayu dan Orang Asli berpendapatan sederhana dan rendah untuk menyokong BN/UMNO dalam setiap kali pilihan raya.

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, keputusan PRK DUN Chini 2020 menunjukkan bahawa kawasan tersebut kekal status quo sebagai kubu kuat BN/UMNO. BN/UMNO menang kerana faktor lokasi geografi di kawasan luar bandar yang mempunyai pengundi bersentimentkan politik pembangunan yang tebal, bersemangat perkauman keMelayuan yang tinggi dan mempunyai hubungan *patron-client* iaitu penaung-dinaung yang kukuh. Dengan jentera kempen parti yang kuat di samping menguasai Kerajaan Negeri dan Persekutuan, kekuatan logistik dan dana kempen yang kukuh menjadikan BN/UMNO terus menjadi pilihan pengundi di kawasan tersebut. Kemenangan parti politik dalam pilihan raya boleh disebabkan faktor isu, calon, kepimpinan tertinggi dan juga manifesto yang dijanjikan. Namun faktor sedia ada seperti kekuatan jentera kempen, dana yang kukuh dan penguasaan 3M iaitu *media*, *money* dan *machinery* akan membantu mengukuhkan lagi tahap kemenangan dalam sesuatu pilihan raya yang disertai.

### Rujukan

- Azman Mahadi, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2016). Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: Kajian kes FELDA Kuala Krau. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 126-137.
- Haslinda Mohd Anuar. (2020). Election during COVID-19 Pandemic: Constitutional perspectives. *International Journal Of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 5 (21), 277-284.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Peranan Pengundi Melayu Dalam Pengukuhan Hegemoni Politik UMNO Dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerbau dan Merlimau. Dlm. Maslida Yusof, Mohamad Rodzi Abd Razak, Mohammed Azlan Mis & Yusmilayati Yunos (Editor). *Hubungan Malaysia-Indonesia: Sejarah, Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Rizal Mohd Yusof & Muhammad Hazim Abd Ghani. (2015). Calon lama vs calon muda dalam

- Pilihan Raya Kecil kawasan Parlimen Rompin dan Parlimen Permatang Pauh 2015. Kertas Kerja 2nd International Conference on Human Sustainability (INSAN 2015). The Royale Bintang Resort and Spa, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. Faculty of Science, Technology and Human Development, University Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor. 19-20 Oktober.
- Khalida Najwa Khairuddin. (2021). Keperluan pengundi untuk mengundi di kawasan tempat bekerja: Kajian kes di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tras, Raub, Pahang. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalida Najwa Khairuddin & Junaidi Awang Besar. (2021a). Tingkah Laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-17.
- Khalida Najwa Khairuddin & Junaidi Awang Besar. (2021b). Tingkah laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang. Buku Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda 2021 (PERSADA 2021). Anjuran: Sekretariat Prasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Platform YouTube FSSK UKM. Hlm. 44-58. 26 Jun.
- Lu Wei Hoong. (2012). By-Election 16: N28 Kerdau, Pahang (February 26-March 6, 2011). In Wong Chin Huat & Soon Li Tsin. *Democracy at Stake? Examining 16 By-Elections in Malaysia. 2008-2011*. hlm. 205-214. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2019). Persaingan PRU ke-14 di Pahang: pengekalan status quo melalui pertembungan tiga penjuru. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 122-136.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2021). Realiti politik pilihan raya di Pahang dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 229-254. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Ariff Asyrul Adnan. (2022). Pilihan Raya Kecil Chini: Dominasi Muafakat Nasional dan Pengukuhan Legitimasi Barisan Nasional di Pahang. Dlm. Mohd Azmir Mohd Nizah (Penyunting). *Persaingan Politik dan Pilihan Raya: Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018*, hlm. 129-142. Kuala Lumpur: Ilham Book.
- Nor Rofizah Jamaluddin. (1985). Kampung tradisi UMNO: kepimpinan dan ikatan kekeluargaan di Kampung Karak Setia Pahang. [http://studentsrepo.um.edu.my/11249/1/nor\\_rofizah.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/11249/1/nor_rofizah.pdf) [1 Oktober 2020].
- Nor Shafika Johari. (2018). Politik Pilihan Raya dalam PRU-14 di Kawasan Dewan Undangan Negeri (N.10) Damak, Jerantut, Pahang Darul Makmur. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Izzatie Wahab. (2019). Gelagat politik dalam Pilihan Raya Umum ke-14, 2018: Kajian kes di kawasan DUN (N.36) Pelangai, Bentong Pahang Darul Makmur. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Omar Othman. (2004). Orang Asli Dalam Politik dan Pembangunan di Pahang. Tesis Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Suresh Kumar, N.V. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands: kemenangan BN atau kekalahan PH? *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(5), 1-14.

Zulkifli Mohamed. (2015). Persepsi mahasiswa terhadap wanita berpolitik: satu analisis di Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah Pahang (KUIPSAS). [https://www.academia.edu/35467282/PERSEPSI\\_MAHASISWA\\_TERHADAP\\_WANITA\\_BERPOLITIK\\_SATU\\_ANALISIS\\_DI\\_KOLEJ\\_UNIVERSITI\\_ISLAM\\_SULTAN\\_AHMAD\\_SHAH\\_PAHANG\\_KUIPSAS\\_](https://www.academia.edu/35467282/PERSEPSI_MAHASISWA_TERHADAP_WANITA_BERPOLITIK_SATU_ANALISIS_DI_KOLEJ_UNIVERSITI_ISLAM_SULTAN_AHMAD_SHAH_PAHANG_KUIPSAS_) [1 Oktober 2020].